

Hartanah RM4 bilion boleh dijual

BM 10 MAY ml

Oleh Saidon Idris

PENGEQUALIAN duti setem bagi pembelian hartanah yang diumumkan kerajaan 27 Mac lalu dijangka mampu mengurangkan di antara 10 sehingga 15 peratus stok hartanah yang tidak terjual di negara ini, yang dianggarkan bernilai kira-kira RM29 bilion.

"Industri menjangkakan mampu menjual hartanah bernilai kira-kira RM4 bilion atau antara 11 sehingga 15 peratus daripada stok hartanah yang tidak terjual di sepanjang tempoh berkuatkuasanya pengecualian ini," kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy di Kuala Lumpur semalam.

Bercakap di sidang akhbar mengumumkan butiran terperinci pengecualian itu, beliau berkata, tempoh berkuat kuasa pengecualian itu ialah daripada 28 Mac lalu sehingga 31 Disember ini.

Katanya, perintah bagi pengecualian duti stem itu sudah diwartakan pada 3 Mei lalu.

Beliau menjelaskan, pengecualian duti setem itu bagaimanapun adalah bagi hartanah yang sudah siap dibina yang dibeli terus daripada pemaju yang berdaftar samada dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia,

Pengecualian duti setem bagi pembelian hartanah dijangka mampu mengurangkan antara 10 hingga 15 peratus stok hartanah yang tidak terjual yang dianggarkan bernilai RM29b

Persatuan Pemaju Perumahan Sabah atau Persatuan Pemaju Perumahan Sarawak.

Kategori hartanah yang diliputi untuk pengecualian itu ialah rumah, kondominium, pangsapuri, rumah pangsa, lot pejabat termasuk rumah kedai dan kedai pejabat serta bangunan perindustrian termasuk kilang.

Chan berkata, surat cara pembelian hartanah yang diberikan pengecualian duti setem itu ialah surat cara perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. surat cara pindah milik daripada pemaju kepada pembeli serta surat cara cagaran antara pembeli dan pembiaya bagi mendapatkan pendahuluan pembelian terbabit.

"Pengecualian itu turut meliputi pembeli asing," katanya.

Chan bagaimanapun tidak dapat memberikan anggaran kehilangan pendapatan kerajaan berikutan pemberian pengecualian duti stem itu.

Bagaimanapun, beliau

berkata, pada masa ini kadar duti stem yang dikenakan bagi suratcara yang diberikan pengecualian itu ialah satu peratus bagi hartanah berharga RM100,000 dan ke bawah, dua peratus bagi yang berharga RM101,000 sehingga RM500,000 serta tiga peratus bagi yang berharga melebihi RM500,000.

Sebagai langkah berjajaga-jaga berikutan kemungkinan berlakunya kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 27 Mac lalu mengumumkan beberapa langkah bagi mengurangkan kesan kelembapan itu kepada ekonomi negara.

Antaranya termasuk memberikan pengecualian duti stem bagi pembelian hartanah bertujuan mengurangkan stok hartanah yang tidak terjual.

Perdana Menteri juga turut mengumumkan Pihak Berkuasa Tempatan juga diarahkan tidak meluluskan sebarang pembiayaan baru bangunan komersil dan ruang pejabat.